

TR 7:6:74

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PARA PENGARANG DAN PENERBIT AKHBAR SELURUH MALAYSIA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 17HB JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Seminar kerana menjemput saya untuk merasmikan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar-akhbar seluruh Malaysia pagi ini.

Sebenarnya, inilah pertama kali Seminar yang khusus diadakan dalam mana para pengarang, penerbit-penerbit akhbar, para wartawan dari seluruh Malaysia, wakil-wakil Pusat Pengajian Tinggi dan Pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan serta wakil-wakil dari pihak Kerajaan berkumpul untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan masalah persuratkhabaran di Malaysia.

Tidak syak lagi, perjumpaan seperti ini sungguh besar maknanya dan saya sangat gembira dapat hadir bersama-sama dan juga diberi penghormatan untuk merasmikannya. Ramai antara hadirin di sini terdiri dari tokoh-tokoh terkemuka di lapangan mass media dan oleh itu saya berharap saudara-saudara dapat melahirkan pandangan serta pendapat yang bernas dan waras dan saya yakin perbincangan Seminar ini akan membawa faedah yang besar bukan sahaja kepada para peserta tetapi juga Kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti kita sedia maklum, akhbar-akhbar sebagai sebuah public institution mempunyai dan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara terutamanya di negara-negara sedang membangun. Akhbar dan mass media lain-lain menjadi orang perantaraan antara Kerajaan dengan orang ramai. Tugas dan tanggungjawab ini bertambah penting dan berat dalam negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum seperti Malaysia ini. Semua pihak yang berkenaan hendaklah sentiasa berhati-hati dan menentukan segala apa yang bakal disiarkan untuk umum supaya tidak menimbulkan salah faham ataupun menyinggung perasaan sesuatu golongan.

Dengan itu dapat membantu Kerajaan memupuk persefahaman dan mengukuhkan tali persahabatan di kalangan rakyat. Terutama sekali para wartawan haruslah sedar tentang mustahaknya mereka memahami sesuatu masalah itu dengan mendalam dan sesuatu perkara yang hendak dilaporkan hendaklah berasaskan kepada "facts" atau fakta yang benar. Pada setiap masa, akhbar-akhbar mestilah bersikap objektif dan tidak menyebelahi mana-mana pihak serta menjauhkan sebarang pemberitaan yang menimbulkan ketegangan antara satu pihak dengan yang lain.

Saya sukacita pada masa ini terdapat persefahaman dan kerjasama yang baik antara Kerajaan dan pihak akhbar dan saya ingin kerjasama ini berterusan di masa depan. Bagaimanapun, kadang kala saya diberitahu tentang kesukaran pihak akhbar mendapat bahan-bahan berita dari Jabatan-jabatan Kerajaan. Perkara ini tentulah boleh dibincangkan dengan pihak yang berkenaan dan saya percaya dapat diselesaikan dengan memuaskan. Pada lazimnya Kerajaan memang sentiasa bekerjasama dengan akhbar tetapi ada juga kalanya Kerajaan atau Jabatan tertentu tidak dapat memberi jawapan atau penjelasan mengenai sesuatu hal dengan segera. Perkara ini bukanlah sengaja dilakukan dan tentulah ada sebab-sebab yang munasabah. Umpamanya, mengenai kedudukan keselamatan ataupun gerakan dan peristiwa yang melibatkan tentera dan polis mestilah diteliti lebih dulu sebelum disiarkan kepada umum. Tegasnya dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan, maka sebaik-baiknya semua pihak mengutamakan keselamatan terlebih dulu walaupun pada segi akhbar hal ini merupakan unsur berita yang boleh melariskan jualan akhbar. Oleh itu pihak akhbar dan khasnya wartawan-wartawan hendaklah bersabar dan bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam perkara ini.

Saya tahu pegawai-pegawai Kerajaan memang bekerjasama penuh dengan para wartawan dan mereka ini bersedia memberi penerangan atau penjelasan kepada pemberita yang mengetahui dan faham benar-benar perkara yang hendak dibincangkan itu. Tetapi tentulah pegawai itu merasa ragu-ragu hendak berbicara dengan seorang wartawan yang tidak melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan latar belakang atau "background" perkara yang hendak ditanyakan itu. Dalam perkara ini, kedua-dua belah pihak hendaklah mengetahui kedudukan mereka agar hubungan baik itu dapat dikekalkan.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan, perpaduan rakyat adalah objektif utama Kerajaan dan segala langkah sedang dibuat untuk menjamin supaya perpaduan dan harmoni yang kukuh dapat dicapai secepat mungkin. Tanpa perpaduan kita tidak akan dapat bergerak maju dan segala kejayaan yang kita dapati sehingga ini akan menjadi sia-sia sahaja. Dengan tujuan itulah kita sedang giat melaksanakan penyusunan semula masyarakat yang mana diharapkan akan memenuhi matalamat dua puluh tahun akan datang. Inilah langkah yang tegas dan positif untuk menjamin kemakmuran, kemajuan dan kejayaan Malaysia di masa depan.

Satu perkara yang saya anggap penting ialah betapa mustahaknya berita dan peristiwa di Semenanjung Malaysia dapat liputan yang luas dalam akhbar-akhbar Sabah dan Sarawak; seterusnya berita dan peristiwa Sabah dan Sarawak mendapat penyiaran yang lebih luas di Semenanjung. Memang benar akhbar-akhbar di Semenanjung ada menyiarkan berita-berita Sabah dan Sarawak tetapi saya rasa lebih banyak lagi berita terutamanya mengenai pembangunan patutlah disiarkan. BERNAMA banyak mengeluarkan berita-berita Sabah dan Sarawak dan juga membuat liputan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Semenanjung Malaysia, tetapi kecuali mass media Kerajaan, berita-berita dari Sabah dan Sarawak ini tidak begitu banyak digunakan oleh akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia, hanya sekali sekala saya melihat laporan dalam akhbar-akhbar di Semenanjung mengenai peristiwa-peristiwa di Sabah dan Sarawak yang berpunca dari syarikat-syarikat berita asing. Ini pada saya adalah satu perkara yang agak anih dan mendukacitakan. Tentu sekali kita tidak patut bergantung kepada Syarikat Berita Asing mengenai peristiwa yang berlaku dalam negara kita, sebaliknya akhbar-akhbar hendaklah menyiarkan berita yang dilaporkan oleh wakil mereka sendiri ataupun menggunakan laporan BERNAMA yang mempunyai wakil-wakil di seluruh pelusuk negara dan juga di negara-negara jiran. Dengan proses liputan berita timbal-balik atau two-way process ini dapatlah kita merapat dan mengeratkan lagi hubungan antara rakyat di seluruh negara yang mana membantu usaha-usaha integration supaya mewujudkan identiti dan keperibadian Malaysia.

Dalam hubungan ini juga saya fikir ada baiknya kalau diadakan exchange programme antara akhbar-akhbar Semenanjung dengan akhbar-akhbar Sabah dan Sarawak supaya pemberita-pemberita

mendapat pengalaman yang lebih luas dalam suasana yang berlainan. Sebagai rakyat suatu negara, kita patut benar memahami cara hidup dan adat resam yang terdapat di Sabah dan Sarawak, bahkan lebih penting lagi memahami hasrat dan cita-cita mereka. Persamaan hasrat dan cita-cita inilah akan mendorong perpaduan dan integration yang berkekalan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai masalah yang dihadapi oleh akhbar-akhbar pada masa ini iaitu kekurangan kertas cetak dan harga bahan ini yang melambung tinggi. Ini bukanlah masalah yang dihadapi oleh akhbar-akhbar di Malaysia sahaja tetapi juga masalah akhbar di seluruh dunia. Beberapa akhbar terpaksa ditutup dan yang lain pula terpaksa mengurangkan lembaran akhbar masing-masing. Pada masa ini akhbar-akhbar kita membuat tempahan secara bersendirian untuk mendapatkan kertas cetak dan oleh kerana kekurangan kertas pihak pembekal tidak dapat membekalkan sepenuhnya tempahan itu. Pada hemat saya, banyak faedah dapat diperolehi sekiranya semua yang berkenaan menubuhkan satu badan untuk mengusahakan pembelian kertas cetak daripada negara-negara pembekal secara kumpulan atau group purchase. Ini adalah satu cara yang lebih effective dan lebih sesuai daripada membeli secara bersendirian dan akhbar-akhbar yang kecil akan turut merasakan faedah itu.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti bidang-bidang yang lain, mass media juga berkembang dengan pesat sekali di Malaysia ini dengan bertambahnya press corp, circulation akhbar dan juga penerbitan-penerbitan. Jika kita bandingkan mass media ini dengan badan-badan professional yang lain, mass media berjalan dengan begitu lamanya tanpa sebarang garis panduan. Saya rasa sudah sampai masanya bagi kita membetulkan keadaan ini dan ada baiknya Seminar ini menimbangkan kemungkinan menubuhkan sebuah badan pengawas yang boleh difikirkan namanya kelak, seperti badan-badan yang terdapat dalam profession-profession yang lain. Badan ini mungkin dianggotai oleh wakil-wakil akhbar dan penerbit-penerbit, wakil-wakil pihak pembaca, ahli-ahli akademik, wakil profession yang lain dan wakil-wakil Kerajaan. Badan ini akan diketuai oleh seorang warganegara yang terkemuka yang bersama-sama bertanggungjawab bagi menentukan perjalanan akhbar yang sesuai


dengan hasrat dan kepentingan negara kita. Patutlah diingat badan ini bukanlah bermaksud untuk mengkongkong kebebasan akhbar yang terdapat di negara ini tetapi hanyalah semata-mata untuk menentukan akhbar-akhbar berjalan dengan lebih teratur dan sempurna di samping menjamin kebebasan akhbar dan juga kepentingan pembaca-pembaca. Pada hemat saya ini adalah satu langkah yang sungguh sesuai dan wajar memandangkan perkembangan pesat dalam dunia persuratkhabaran di Malaysia pada masa ini. Saya harap Seminar ini akan memberi masa yang panjang untuk membincangkan perkara penting ini dengan mendalam demi kepentingan kita semua.

Saudara-saudara sekalian.

Sejak setahun yang lalu ini, Kerajaan telah juga menjalankan usaha bagaimana akhbar-akhbar kita benar-benar mencerminkan kepentingan rakyat dan negara, bukan saja dari segi pengambilan pekerja bahkan juga dalam hak milik dan penguasaan syarikat akhbar itu sendiri. Penubuhan New Straits Times tahun lalu adalah bukti konsep baru ini diterima baik oleh pihak yang berkenaan dan saya sukalah melihat pihak-pihak lain yang belum berbuat demikian menjalankan langkah yang sama. Kita tidak merasa perlu melaksanakan ini dengan cara undang-undang tetapi sebaliknya lebih baik dengan rasa kesedaran dan semangat baru yang ingin melihat surat-suratkhabar negara ini benar-benar mencerminkan hasrat rakyat dan memenuhi cita-cita mereka. Saya percaya hal ini akan mendapat sambutan yang penuh faham dan simpati, khususnya akhbar-akhbar yang masih berpusat di negara lain.

Begitu juga dengan majalah-majalah dan syarikat-syarikat berita asing, adalah lebih baik sekiranya mereka mengambil tenaga dalam negeri iaitu rakyat Malaysia sendiri sebagai wakil mereka di negara ini oleh kerana tiada siapa, pada fikiran saya, yang lebih cekap melaporkan berita dan peristiwa negara kita dengan objektif dan saksama kecuali warganegara kita sendiri.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terimakasih kepada semua yang hadir di sini dan saya yakin dengan sikap jujur dan ikhlas semua pihak, Seminar ini akan mencapai penuh kejayaan. Saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang melambai-lambaikan tangan kepada orang ramai dalam perarakan menuju ke Stadium Negara, Kuala Lumpur untuk merasmikan Pesta Pembangunan Kebangsaan pada 20hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)